

# DOKUMENTARI KHAS TUN ABDUL RAZAK DI SALURAN 553 ASTRO ESOK

---

Date: 23-08-2010

Author: / NAN HK RHM

## DOKUMENTARI-TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Usaha Tun Abdul Razak Hussein untuk mengembalikan kestabilan dan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia selepas pergaduhan kaum pada 13 Mei 1969, adalah antara intipati dalam dokumentari eksklusif mengenai perdana menteri kedua itu.

Dokumentari bertajuk "A Leader's Legacy: Tun Abdul Razak" terbitan National

Geographic Channel, Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas) dengan kerjasama Astro akan

disiarkan esok di Saluran 553 Astro pada 9 malam.

Penyiaran dokumentari itu bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan ke-53

Malaysia, turut memaparkan sedutan rakaman filem lawatan bersejarah Abdul Razak

ke China pada 1974, lawatan pertama oleh pemimpin Malaysia untuk memupuk hubungan lebih erat dengan kerajaan komunis China.

Dokumentari selama 60 minit itu bermula dengan memaparkan foto Abdul Razak

di zaman kanak-kanaknya di Pahang dan juga semasa belajar di London ketika melanjutkan pelajaran dalam jurusan undang-undang di mana beliau bertemu dengan

Perdana Menteri pertama Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Perkenalan dengan Tunku Abdul Rahman itu kemudiannya berkembang kepada hubungan jangka panjang termasuk penglibatan Abdul Razak dalam politik dan membebaskan negara daripada cengkaman penjajah pada 1957.

Ia juga memaparkan Abdul Razak sebagai orang kanan Tunku Abdul Rahman apabila dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri semasa Bapa Kemerdekaan itu menjadi Perdana Menteri pertama Malaysia.

Pengarah Justin Ong, penerbit filem dokumentari kelahiran Malaysia berkata

dokumentari mengenai Bapa Pembangunan Malaysia itu akan mengembalikan memori mengenai kesulitan yang dihadapi pemimpin-pemimpin terdahulu dalam membina sebuah negara.

Filem itu turut memaparkan tempoh tujuh tahun Abdul Razak menerajui negara

dari 1970-1976 sehingga meninggal dunia akibat leukemia, yang penyakit yang dihidapinya itu telah dirahsiakannya termasuk keluarganya.

"Ketika negara kita terus membangun dan kita merancang masa depan kita, kami

percaya adalah amat penting untuk kita semua mengingati dan menghargai pengorbanan generasi terdahulu.

"Apa yang menyebabkan kami tertarik untuk menerbitkan dokumentari ini ialah

apa yang kami nampak sebagai intipati kisah ini. Seorang lelaki yang tahu beliau

sedang menghidap penyakit berbahaya tetapi masih memilih untuk berkhidmat kepada

negaranya. Tun Razak memilih laluan pengorbanan, beliau memilih untuk menghabiskan sisa hidupnya untuk berkhidmat kepada rakyat dan berbuat apa yang

terdaya untuk membentuk sebuah negara dan mencorakkan masa depannya," katanya kepada pemberita selepas tayangan khas dokumentari itu untuk media di sini hari ini.

Beliau berkata idea untuk menerbitkan dokumentari itu bermula tahun lepas selepas mengadakan perbincangan dengan semua pihak terbabit manakala dokumentari itu disiapkan dalam tiga bulan.

Antara tokoh yang ditemuramah dalam dokumentari itu ialah anak sulung Abdul Razak, Datuk Seri Najib, perdana menteri Malaysia sekarang, pembantu khas Abdul Razak, Tunku Tan Sri Shahrizan Tunku Sulaiman, setiausaha politik dan penasihatnya Tan Sri Abdullah Ahmad, bekas setiausaha parlimennya Tan Sri Michael Chen dan bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamed.

Dokumentari dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris itu akan diulang siar pada Hari Kebangsaan (31 Ogos), 5 Sept dan juga pada sambutan Hari Malaysia pada 16 Sept, pada 9 malam.

Turut hadir pada tayangan khas itu hari ini ialah Tunku Shahrizan, bekas Ketua Polis Negara Tun Mohamed Haniff Omar, Ketua Pengarah Finas Mohd Mahyiddin Mustakim, Pengarah dan Ketua Wilayah Fox International Channels and National Geographic Channel Asia Basil Chua dan Naib Presiden Astro TV bagi Content Management Group Agnes Rozario.

-- BERNAMA

NAN HK RHM